

08 JAN 1999

Mahathir-Muhammad

PENYERTAAN MAT TAIB DALAM MT UMNO DITANGGUH

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini memutuskan untuk menangguhkan penyertaan semula bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib dalam MT, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Oleh kerana Peguam Negara telah membuat 'appeal' (rayuan terhadap kes Muhammad), yang bermakna bahawa kes ini belum selesai, maka ditangguhkan penyertaan Muhammad Taib ke dalam MT," kata beliau pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat MT selama tiga jam di sini.

Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah pada Selasa lepas memfailkan notis rayuan di Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi di sini melepas dan membebaskan Muhammad terhadap tuduhan gagal mengisytihar harta miliknya dan keluarganya mengikut Akta Pencegah Rasuah 1961.

Mohtar selaku Pendakwa Raya telah memfailkan notis rayuan terhadap keputusan Hakim Datuk Abdul Wahab Patail.

Abdul Wahab dalam keputusannya pada 29 Dis lepas mendapati Muhammad tidak bersalah terhadap tuduhan gagal mengisytiharkan harta alih atau tak alih kepunyaannya, isteri dan anak-anak seperti yang dikehendaki oleh Pendakwa Raya melalui notis bertarikh 10 April 1997.

Beliau dituduh melakukan kesalahan itu di ibu pejabat Badan Pencegah Rasuah di Persiaran Duta di sini pada 26 Mei 1997.

Pada Rabu lepas, Muhammad yang bercuti daripada tugas-tugas sebagai naib presiden Umno, menyerahkan surat kepada Presiden Umno memaklumkan keputusan Mahkamah Tinggi itu.

Dalam suratnya itu, Muhammad juga meminta supaya cutinya ditamatkan untuk bergiat aktif semula dalam parti sebagai naib presiden parti.

-- BERNAMA

TM MAI